

Transformasi dalam Banglo No. 410 oleh Marzuki Ali

Transformation in Bungalow No. 410 by Marzuki Ali

Nurul Aniza Binti Hassan
Nur Afifah Vanitha Abdullah

Program Persuratan Melayu
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

anizanurul1901@gmail.com
nurafifah@ukm.edu.my

ABSTRAK

Banglo No. 410 (2015) karya Marzuki Ali mengisahkan tentang riwayat hidup Syed Syeikh al-Hadi. Terdapat banyak persamaan antara drama Dekon Banglo No. 410 (2015) dengan teks biografi Syed Syeikh al-Hadi. Sehubungan itu, transformasi yang dilakukan oleh Marzuki Ali dalam drama Dekon Banglo No. 410 (2015) berdasarkan biografi Syed Sheikh al-Hadi menjadi fokus perbincangan artikel ini. Justeru biografi Syed Syeikh al-Hadi: Sasterawan Progresif Melayu (1992) menjadi bahan utama kajian ini untuk menemui jawapan. Objektif utama artikel ini adalah mengenalpasti aspek-aspek yang telah ditransformasi dalam drama Dekon Banglo No. 410 (2015). Data bagi artikel ini diperolehi daripada rekabentuk kajian kualitatif. Dapatkan artikel ini adalah, terdapat pemindahan dari aspek plot, watak dan latar dalam hiperteks. Apa yang membezakan hiperteks daripada hipoteks adalah susun atur peristiwa. Selain itu, watak Syed Syeikh al-Hadi diangkat sebagai watak protagonis. Pemindahan watak tersebut dilakukan supaya pembaca dapat membayangkan tokoh yang dimaksudkan oleh pengarang. Malahan transformasi turut dilakukan terhadap watak sampingan. Seterusnya, transformasi latar juga dilakukan dalam drama Banglo No. 410 (2015) dari aspek latar tempat, masa dan masyarakat. Pengekalan aspek watak, latar dan penyusunan semula plot cerita dari hiperteks membuktikan bahawa pengarang telah melakukan transformasi dari teks biografi Syed Syeikh al-Hadi: Sasterawan Progresif Melayu (1992) dalam menghasilkan drama Dekon Banglo No. 410 (2015).

Kata Kunci: Prinsip transformasi, intertekstualiti, kritikan drama, Marzuki Ali, drama dekon

ABSTRACT

Bungalow No. 410 (2015) by Marzuki Ali depicts the biography of Syed Syeikh al-Hadi. There are many similarities between Dekon Bungalow No. 410 (2015) and the biography text of Syed Sheikh al-Hadi. The focus of this article is the transformation aspect in Dekon Bungalow No. 410 (2015). The transformation method in Dekon of Bungalow No. 410 (2015) from the biography of Syed Syeikh al-Hadi: Malay Progressive Literature (1992) is the focus of this article. The objective of this article is to identify the principle of transformation in drama Dekon Bungalow No. 410 (2015). The data for this article was acquired from a qualitative research design. The findings of this article are that there are transformation of plot, character and background in the hypertext. What distinguishes hypertext from the hypotext is the plot. In addition, Syed Syeikh al-Hadi's character is portrayed as the main protagonist. The transformation of character is to enable the reader to imagine the character

that is intended by the author. Transformation was also made to the background of Dekon of Bungalow No. 410 (2015) in the aspects of the place, time and society. Aspects that had been retained are the character, the background and rearrangement of plot.

Keywords: *The principle of transformation, intertextuality, drama criticism, Marzuki Ali, drama Dekon*

1. Pengenalan

Marzuki Ali merupakan salah seorang legasi penyair dan aktivitis teater dan drama. Beliau menghasilkan banyak kumpulan puisi, skrip drama, eseи dan cerpen. Antara hasil puisi karya Marzuki Ali adalah *Desir Angin Pantai Timur* (1984), *Puisi Duyung Puisi Rakyat* (1999), *Jeritan Satwa Luka* (2002), *Naban* (2006), *Bungkau Rimba Hutan Tropika* (2008), *Pesan Bonda* (2009), *Keroncong Pulau Kelapa* (2015) dan Kumpulan Dekon *Saya dari Tanjung Penaga* (2015). Beliau bergiat aktif dalam perkembangan dekon.

Kumpulan drama *Saya dari Tanjung Penaga* (2015) memuatkan tujuh buah teks dekon. *Banglo No. 410* adalah salah satu drama Dekon yang menceritakan tentang seorang tokoh pejuang Islam yang terkenal dan hebat pada suatu ketika dahulu. Kepengarangan Marzuki Ali dipengaruhi oleh tokoh reformis Islam iaitu Syed Syeikh al-Hadi. Alur cerita drama dekon *Banglo No. 410* mempunyai persamaan dengan peristiwa yang berlaku dalam sejarah hidup tokoh tersebut. Apabila pembaca membaca drama dekon tersebut, sudah tentu dapat membayangkan ketokohan Syed Syeikh al-Hadi.

Justeru, kajian ini memfokuskan kepada kumpulan Dekon *Saya dari Tanjung Penaga* (2015) oleh Marzuki Ali. Drama Dekon *Banglo No. 410* akan memperlihatkan prinsip yang diaplikasikan berdasarkan beberapa aspek. Dalam konteks ini, teori intertekstual diaplikasikan kerana prinsipnya amat berkait rapat antara drama Dekon *Banglo No. 410* dengan kehidupan atau pengalaman tokoh yang bernama Syeikh Al-Hadi. Drama Dekon yang dihasilkan oleh Marzuki Ali membayangkan tokoh pejuang yang hebat iaitu Syed Syeikh al-Hadi. Transformasi yang dibuat dalam hiperteks mengambil komponen daripada hipoteks sebagai sumber atau bahan binaan. Terdapat pelbagai aspek yang membina sebuah teks drama *Banglo No. 410* seperti watak perwatakan, plot dan latar.

2. Tinjauan Literatur

Kajian intertekstual terhadap pelbagai genre agak banyak dilakukan. Namun, penulisan dalam buku dan artikel mengenai kajian intertekstual terhadap drama kurang dilakukan berbanding cerpen, novel dan puisi. Kesemua genre tersebut mempunyai ciri-ciri yang berbeza. Jumlah penulisan mengenai kajian intertekstual terhadap drama sangat terhad dan kajian puisi dan novel lebih popular. Dalam konteks ini, dapat dilihat maklumat dan pengetahuan tentang kajian intertekstual terhadap drama Dekon adalah kurang.

Mohd Saberi Muda dan Mas Rynna Wati Ahmad (2017) dalam *Puisi ke Teater: Transformasi Karya Marzuki Ali* membincangkan tentang keserasian hubungan antara puisi dan drama yang wujud sebagai ekspresi seni yang unik. Transformasi berkait rapat dengan sesebuah teks yang menjadi komponen dalam teks lain. Perbandingan dibuat antara teks dengan teks yang lain iaitu puisi ke skrip drama hingga ke pentas teater. Pengkaji mengambil contoh skrip drama *Dasila Racau Satwa Luka Rimba Tropika* yang menggabungkan beberapa buah puisi iaitu *Noah Ark Kedua, Mawas Sarkas* dan *Sang Harimau* dari *Jeritan Satwa Luka*. Tambah pengkaji lagi, penciptaan watak haiwan dan manusia menjadi dasar dalam transformasi karya Marzuki Ali. Pemikiran yang disumbangkan oleh Marzuki Ali dipengaruhi oleh pengalaman dan penelitian dalam pengembaraan yang kemudiannya

ditransformasikan daripada puisi ke teater. Jika Mohd Saberi Muda dan Mas Rynna memfokuskan terhadap konsep transformasi daripada puisi ke teater, kajian ini menekankan prinsip yang sama tetapi berbeza dari segi analisis dari aspek watak, latar dan plot. Jadi, kajian tersebut menjadi penambahan maklumat berkaitan analisis intertekstual dalam karya Marzuki Ali. Justeru, kajian lepas yang dilakukan amat terhad. Kajian terhadap Marzuki Ali masih kurang seperti juga drama. Kajian intertekstual terhadap drama masih kurang dan tidak ramai yang membuat kajian mengenai drama. Terdapat banyak kajian intertekstual yang dilakukan terhadap genre lain seperti novel dan puisi dalam kajian lepas. Hal ini menunjukkan bahawa kajian intertekstual perlu ditambah sebagai lanjutan atau penambahan pengetahuan kepada masyarakat.

3. Metodologi

Terdapat lebih daripada 20 jenis metodologi kajian. Metodologi kajian yang digunakan adalah jenis kajian fundamental. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Kajian dilakukan dengan membuat penyelidikan dan pemahaman tajuk yang berkaitan. Kemudian, mengenalpasti permasalahan kajian dan objektif kajian. Penyelidikan tersebut melibatkan pengumpulan data sama ada dalam bentuk teks atau imej. Kajian ini mengaplikasikan teori intertekstual terhadap drama Dekon *Banglo No. 410* (2015).

Seterusnya, kajian kepustakaan dilakukan bagi mengkaji tajuk berkaitan. Bahan bacaan ilmiah didapatkan dan diteliti supaya maklumat berkaitan dapat ditemui. Pentafsiran dilakukan bagi mengenalpasti maklumat yang berkaitan sahaja ditambah dalam kajian. Maklumat yang tidak berkaitan ditapis supaya maklumat yang digunakan tepat, padat dan sesuai dengan kajian. Pertama sekali, pembacaan rapi dibuat dengan merujuk pada buku-buku yang didapati di Perpustakaan Tun Sri Lanang (PTSL) dan Perpustakaan Institut Alam dan Tamadun Melayu (PATMA). Buku-buku tersebut terdiri daripada buku rujukan berilmiah Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu. Kaedah pengumpulan data daripada pembacaan buku-buku dapat menambahkan pengetahuan mengenai tajuk yang dikaji. Antara buku yang dibaca dan diteliti adalah berkaitan dengan biografi tokoh, teori intertekstual, drama dan buku *Hikayat Faridah Hanum*. Buku-buku tersebut ditulis oleh pelbagai pengarang yang hebat seperti Sohaimi Abdul Aziz, Talib Samat dan Syeikh Al-Hadi.

Tambahan lagi, pembacaan juga dibuat dengan merujuk artikel jurnal dan tesis. Jurnal dan tesis tersebut banyak membincangkan tentang kajian-kajian lepas yang telah dibuat oleh pengkaji terdahulu. Terdapat pelbagai maklumat yang telah diperoleh berkaitan dengan kajian. Sebagai contoh, kajian mengenai tokoh Syeikh Al-Hadi, Marzuki Ali, kajian intertekstual, kajian intertekstual terhadap drama, puisi, cerpen dan novel. Kesemua maklumat digunakan untuk menambahkan pengetahuan dan pengumpulan data secara menyeluruh. Pembacaan jurnal dan tesis tersebut dilakukan di Perpustakaan Tun Sri Lanang, UKM Bangi. Pengumpulan data melalui jurnal dan tesis dapat meneliti kelebihan, kelemahan, kepentingan dan tujuan kajian dengan lebih jelas. Penelitian dibuat mendapati bahawa teori intertekstual sangat kuat dalam drama Dekon *Banglo No. 410* (2015).

Di samping itu, pengumpulan data juga dibuat melalui internet. Terdapat pelbagai laman web yang menawarkan bahan-bahan yang dikehendaki. Input yang diperolehi dapat digunakan sebagai bahan sampingan bagi mengukuhkan sesuatu penerangan. Laman web juga membantu dalam mendapatkan data kajian bagi aspek-aspek tertentu. Sebagai contoh, melayari laman web Wikipedia mengenai tokoh dan drama yang dikaji. Laman web dipilih terlebih dahulu supaya maklumat yang diperoleh mempunyai fakta yang benar dan boleh diterima.


4. Dapatan dan Perbincangan

Hasil daripada penelitian mendapati prinsip transformasi diaplikasikan dalam drama Dekon *Banglo No. 410* (2015) karya Marzuki Ali. Prinsip ini memperlihatkan pemindahan yang dilakukan dalam hiperteks. Dalam bab ini perbandingan dilakukan antara drama *Banglo No. 410* dengan biografi *Syed Syeikh al-Hadi: Sasterawan Progresif Melayu* (1992). Prinsip transformasi yang diaplikasikan membuktikan pengarang membuat penyalinan atau perubahan terhadap drama *Banglo No. 410* daripada hipoteks. Perbincangan difokuskan kepada transformasi dari aspek plot atau alur, watak perwatakan dan latar.


4.1 Transformasi Alur

Terdapat beberapa persamaan peristiwa dalam *biografi Syed Syeikh al-Hadi* yang dipindahkan dalam drama Dekon *Banglo No. 410*. Kedua-dua karya menceritakan riwayat hidup tokoh Syed Syeikh al-Hadi. Pengarang masih mengekalkan peristiwa yang sama dalam karyanya cuma berbeza dari segi susunan peristiwa. Plot adalah alur cerita iaitu struktur rangkaian kejadian dalam cerita yang disusun sebagai urutan bahagian-bahagian dalam keseluruhan fiksi. Ia merupakan susunan peristiwa dalam sesuatu cerita supaya lebih menarik. Plot merupakan kesepadan unsur-unsur yang membangun cerita sehingga menjadi kerangka utama cerita. Plot merupakan kerangka dasar yang amat penting. Plot mengatur bagaimana tindakan-tindakan harus berkaitan satu sama lain, bagaimana suatu peristiwa mempunyai hubungan dengan peristiwa lain, serta bagaimana watak digambarkan dan berperanan dalam peristiwa itu. Pengarang menggunakan daya kreativiti masing-masing untuk mengembangkan plot cerita dalam sesebuah karya.

Terdapat dua jenis plot dalam cerita iaitu plot kronologi dan plot kompleks. Plot kronologi biasanya plot yang disusun dalam sesebuah cerita secara berurutan. Plot kompleks pula bermaksud peristiwa yang dipaparkan dalam cerita secara tidak berurutan. Contoh plot yang terdapat dalam kedua-dua karya adalah seperti berikut:



RAJAH 1. Susunan peristiwa dalam alur *Biografi Syed Syeikh Al-Hadi*.



RAJAH 2. Susunan peristiwa dalam alur drama *Banglo No. 410*.

Rajah 1 dan 2 menunjukkan peristiwa yang disusun mengikut jenis alur yang berbeza dalam karya. *Biografi Syed Syeikh al-Hadi* menunjukkan plot yang mengikut susunan peristiwa atau babak manakala drama Dekon *Banglo No. 410* pula memperlihatkan plot jenis kompleks iaitu tidak mengikut urutan. Hal ini merupakan gaya atau teknik transformasi yang diaplikasikan oleh pengarang Marzuki Ali dalam menghasilkan karya tersebut. Pengarang memulakan cerita dalam drama Dekon *Banglo No. 410* dengan kepengarangan Syed Syeikh al-Hadi. Penceritaan tersebut bermula dengan teknik monolog oleh watak Si Buta. Peristiwa kepengarangan Syed Syeikh al-Hadi ditransformasikan secara formal oleh pengarang. Dalam konteks ini, pengarang mengambil semula peristiwa dengan membuat penyalinan pada hiperteks. Peristiwa tersebut disalin tanpa mengubah apa-apa dari hipoteks. Petikan yang menunjukkan proses penyalinan dari hipoteks adalah seperti berikut:

JADUAL 1: Pemindahan kepengarangan Syed Syeikh al-Hadi

Biografi Syed Syeikh al-Hadi.	Drama Banglo No. 410.
<p>“Tokoh sasterawan progresif ini bukan sahaja sanggup berjuang demi agama Islam, malahan beliau juga tekun dalam menulis buku. Hikayat Faridah Hanom merupakan salah satu karya yang mendapat sambutan hangat daripada masyarakat di seluruh dunia.”</p> <p>(Syed Syeikh al-Hadi, 1992).</p>	<p>SI BUTA: ... Semua orang memperkatakan tentang percintaan agung antara Faridah Hanum dan kekasihnya Syafik Afandi. Seluruh orang-orang Melayu terpukau oleh cara Tuan Syeikh bercerita. Ya, buku cerita Hikayat Setia Asyik kepada Maksyuknya. Hebat, hebat, hebat! Dan begitu laris terjual. Orang-orang ingin membaca hikayat itu, orang ramai mencari di mana-mana kedai jual buku. Habis! Laris macam goreng pisang! Dan untuk tidak menghamparkan permintaan ramai, tahun 1926 dicetak ulang sekali lagi. Pun jualannya habis!</p> <p>(Banglo No. 410, 2015: 272)</p>

Jadual 1 menunjukkan kepengarangan Syed Syeikh al-Hadi dalam dunia penulisan novel. Novel yang dihasilkan oleh Syed Syeikh al-Hadi mendapat sambutan yang luar biasa daripada orang ramai (Talib Samat, 1992). Talib mengatakan lagi, novel tersebut sangat laris sehingga membuat cetakan yang kedua. Percintaan agung Faridah Hanum dengan Syafik

Afandi memberi kesan yang mendalam kepada masyarakat. Tambahan lagi, hal ini dapat dilihat apabila masyarakat saling memuja watak Faridah Hanum dan Syafik Afandi. Betapa tokoh tersebut memberi kesan penjiwaan yang sangat kuat dalam diri masyarakat. Jelasnya, penyusunan jalan cerita oleh pengarang melalui peristiwa tersebut telah dilakukan penyalinan dari hipoteks.

Selain itu, pengarang juga mentransformasikan syair yang terdapat dalam karya yang dihasilkan oleh Syed Syeikh al-Hadi dalam drama Dekon *Banglo No. 410*. Syair tersebut dilakukan oleh watak Si Buta. Pengarang menyalin semula syair ke dalam drama Dekon *Banglo No. 410*. Syair tersebut dimuatkan secara penceritaan oleh Si Buta kepada anak-anak. Pengarang mengaitkan dengan cerita dalam *Hikayat Faridah Hanum* kemudian memasukkan syair bagi memberi kesan yang menarik terhadap khalayak pembaca. Syair yang disesuaikan mengikut situasi atau suasana ketika itu yang sedang bercerita tentang percintaan Faridah Hanum dengan Syafik Afandi. Penyalinan yang dapat dilihat dari segi syair adalah seperti berikut:

“SI BUTA: Faridah Hanum perempuan budiman
 Sungguh asyik berapa zaman
 Berasalah suram bulu dan roman
 Jadilah hati tidak siuman

 Faridah nan cukup sifat kejadian
 Wajahnya bercahaya umpama berlian
 Tubuhnya elok bangun pendirian
 Tujuh laksana cukup sekalian

 Hati pun senang kesukaan pun datang
 Tidaklah jemu pagi dan petang
 Paras mu yang elok seumpama bintang
 Penglipur hati siapa menentang

 Matanya contoh bidadari syurga
 Cahayanya memancar meliputi muka
 Bila ditatap dipandang dijangka
 Bertambah elok bertambah harga.”

(Banglo No. 410, 2015: 274)

Syair di atas menunjukkan syair yang digunakan dalam hiperteks yang disalin oleh pengarang daripada hipoteks. Pengarang menggunakan watak Si Buta dalam menceritakan tentang penokohan Syed Syeikh al-Hadi. Kemudian, penceritaan dikaitkan dengan syair. Si Buta digambarkan sangat gemar akan syair Syed Syeikh al-Hadi dalam *Hikayat Faridah Hanum*. Beliau menghafal syair yang terdapat dalam *Hikayat Faridah Hanum* (Banglo No. 410, 273). Jelasnya, syair tersebut ditransformasikan dalam drama Dekon *Banglo No. 410*.

Seterusnya, transformasi terhadap drama Dekon *Banglo No. 410* juga dapat dilihat melalui peristiwa pertemuan antara Syed Syeikh al-Hadi dengan sahabat karibnya iaitu Syed Syeikh Tahir Jalaluddin. Peristiwa ini memperlihatkan persamaan dengan hipoteks. Pengarang memindahkan secara formal peristiwa tersebut ke dalam drama *Banglo No. 410*. Pengarang menceritakan peristiwa tersebut melalui watak Syeikh Tahir Jalaluddin. Hal ini menunjukkan nama dan peristiwa tersebut ditransformasikan oleh pengarang secara menyeluruh. Susunan peristiwa sahaja yang membezakan antara kedua-dua teks. Contoh dapat dilihat seperti berikut:

JADUAL 2: Transformasi pertemuan Syed Syeikh al-Hadi dengan Syeikh Tahir Jalaluddin

Syed Syeikh al-Hadi	Drama Banglo No. 410
Selepas kembali dari Mesir dan setelah menetap di Singapura, dia membuka Madrasah Al-Iqbal pada tahun 1907. Bersama-sama rakan seperjuangannya seperti Syeikh Mohd. Tahir Jalaluddin Al-Azhari... (Syed Syeikh al-Hadi, 1992: 13)	“Tuan Syeikh Tahir Jalaluddin yang menjadi tamu kepada Tuan Syeikh al-Hadi duduk di tempat kerjanya sambil mengenangkan kejayaan-kejayaan dan perjuangan yang dijalankan. (Banglo No. 410, 2015: 274)

Berdasarkan jadual 2, petikan jelas menunjukkan persamaan antara peristiwa dalam drama Dekon *Banglo No. 410*. Pengarang mengambil semula kisah pertemuan Syeikh Tahir Jalaluddin dengan Syed Syeikh al-Hadi yang dipindahkan dalam menghasilkan hiperteks. Hal ini kerana pengarang ingin menyelaraskan dengan peristiwa yang seterusnya. Pengarang tidak mengubah apa-apa daripada peristiwa ini. Peristiwa ini benar-benar berlaku secara realiti dalam kehidupan Syed Syeikh al-Hadi. Jelasnya, pengarang memindahkan peristiwa tersebut sebagai transformasi terhadap karyanya.

Seterusnya, jalan penceritaan drama Dekon *Banglo No. 410* disambung dengan peristiwa kehidupan Syed Syeikh al-Hadi dari segi jasa, sejarah hidup, pendidikan dan keseluruhan kehidupannya. Peristiwa tersebut diceritakan melalui watak Syeikh Tahir Jalaluddin. Pengarang memindahkan secara menyeluruh kehidupan Syed Syeikh al-Hadi dalam drama Dekon *Banglo No. 410*. Watak Syeikh Tahir dilakukan secara imbas kembali terhadap kejayaan dan perjuangan Syed Syeikh al-Hadi pada suatu ketika dahulu. Syeikh Tahir Jalaluddin menceritakan kisah hidup rakannya dengan panjang lebar. Hal ini bermakna, pengarang memindahkan sejarah hidup Syed Syeikh al-Hadi dalam menghasilkan karyanya.

Pemindahan ini melibatkan sejarah hidup seorang tokoh suatu ketika dahulu sehingga sekarang. Secara umumnya, sejarah adalah asal usul (keturunan) atau salasilah berkaitan dengan kehidupan seseorang. Dalam hal ini, sejarah hidup melibatkan peristiwa yg benar-benar berlaku pada masa lampau. Perkataan yang bersinonim dengan sejarah adalah kisah dan riwayat yang melibatkan fakta-fakta yang sahih dan tepat. Bukti-bukti setiap peristiwa yang berlaku dalam hidupnya kemudian menjadi sejarah sehingga diingati sampai sekarang. Selain itu, sejarah menjadi ilmu yang penting dalam membuat kajian atau menambah pengetahuan mengenai peristiwa-peristiwa yang telah lalu. Transformasi dari aspek sejarah hidup dilakukan dengan mengenal pasti dengan lebih teliti mengenai asal usul tokoh Syed Syeikh al-Hadi. Kemudian, penelitian tersebut akan mengkaji persamaan yang terdapat dalam drama Dekon *Banglo No. 410* dengan sejarah hidup tokoh yang benar.

Asal-usul tokoh Syed Syeikh Al-Hadi bermula dari kehidupan awalnya hingga tamat riwayatnya. Pengarang memindahkan sejarah hidup tokoh ke dalam drama Dekon *Banglo No. 410*. Sejarah hidup tokoh tersebut dipindahkan atau diubah menjadi teks drama yang ditonjolkan oleh watak Syeikh Tahir Jalaluddin. Pemindahan dilakukan bertujuan untuk menghasilkan hiperteks mengikut kreativiti pengarang. Marzuki Ali memperlihatkan pemindahan aspek sejarah hidup tokoh ke dalam genre yang lebih mudah untuk difahami iaitu teks drama dekon. Pengarang mengkaji terlebih dahulu mengenai sejarah hidup tokoh sebelum menulis sesebuah teks. Pengarang mengambil semula fakta-fakta mengenai tokoh tanpa mengubah apa-apa. Pemindahan sejarah hidup tokoh dalam teks dapat dilihat dalam jadual

JADUAL 3: Transformasi sejarah hidup Syed Syeikh al-Hadi

Syed Syeikh al-Hadi	Drama Banglo No. 410
<p>Selepas kembali dari Mesir dan setelah menetap di Singapura, dia membuka Madrasah Al-Iqbal pada tahun 1907.</p> <p>(Syed Syeikh al-Hadi,1992: 13)</p> <p>Di Madrasah ini, dia mengajar ilmu-ilmu agama dan ajaran Islam berdasarkan pemikiran progresif yang dipelopori oleh Syeikh Muhammad Abdur.</p> <p>(Syed Syeikh al-Hadi,1992: 22)</p>	<p>TUAN SYEIKH TAHIR JALALUDIN: Setelah Tuan Syeikh Al-Hadi pulang dari Mesir dengan semangat yang berkobar-kobar oleh gagasan Muhammad Abdur iaitu seorang tokoh reformis terkenal dunia Islam tahun 1907, dia mendirikan Madrasah Al-Iqbal di Singapura. Nama Iqbal adalah nama seorang penyair dan pemikir reformis dunia Islam terkenal di Pakistan.</p> <p>(Banglo No. 410, 2015: 275)</p>

Jadual 3 menunjukkan jasa dan sumbangan tokoh dalam menyebarkan agama Islam pada masyarakat. Petikan di atas memaparkan penglibatan tokoh dalam menjadi pendidik dan pelopor beberapa buah madrasah. Syed Syeikh al-Hadi terlibat secara langsung mendirikan sekolah-sekolah Arab-Agama cara moden seperti Madrasah al-Iqbal di Singapura pada tahun 1907, Madrasah al-Hadi di Melaka pada tahun 1915 dan Madrasah al-Mashoor di Pulau Pinang pada tahun 1919. Pengarang memindahkan peristiwa tersebut tanpa mengubah apa-apa fakta. Jelasnya, pengarang mentransformasikan peristiwa daripada hipoteks ke dalam karyanya. Selain itu, transformasi dari segi sumbangan Syeikh al-Hadi juga terdapat dalam drama Dekon *Banglo No. 410*. Sumbangan adalah apa sahaja yang diberikan sebagai bantuan atau sokongan; pertolongan. Pengarang memindahkan sumbangan Syeikh al-Hadi sebagai transformasi ke dalam drama Dekon *Banglo No. 410*. Sumbangan tersebut diceritakan oleh watak Tuan Syeikh Tahir Jalaluddin.

Jadual 4 menunjukkan transformasi secara sepenuhnya dibuat oleh pengarang. Pemindahan yang dikenalpasti dalam drama adalah sumbangan Syeikh al-Hadi dalam penulisan dan Islam. Beliau seorang pelopor yang sangat berpegang teguh pada agama. Beliau sanggup melakukan apa sahaja demi kebaikan masyarakat. Golongan Kaum Muda yang ditubuhkan oleh Syed Syeikh al-Hadi berperanan mengajak masyarakat supaya bersatu unuk Islam. Pelbagai usaha dilakukan untuk memperjuangkan agama Islam. Beliau seorang yang kuat berpegang kepada lunas hidup Islam berlandaskan al-Quran dan hadis. Dalam konteks ini, beliau tidak hanya berteori atau bercakap kosong tentang perubahan dan perlunya perubahan. Beliau melibatkan diri secara langsung sebagai penggerak, penggiat dan pembawa obor perubahan. Jelasnya, transformasi dilakukan oleh pengarang terhadap sumbangan Syed Syeikh al-Hadi.

JADUAL 4: Transformasi sumbangan Syed Syeikh al-Hadi

Syed Syeikh al-Hadi	Drama Banglo No. 410
<p>Sebagai pengasas dan pelopor angkatan Golongan Muda yang mahukan pembaharuan pemikiran, Syed Syeikh menggesa penggunaan akal dalam menyelesaikan masalah hidup serta berusaha menghapuskan sikap kolot yang meluas di kalangan bangsanya.</p> <p>(Syed Syeikh al-Hadi,1992)</p>	<p>SYEIKH TAHIR JALALUDDIN: ... Dengan adanya gerakan Kaum Muda kita, ana ingin suara kita menjadi suatu harapan baru kepada seluruh Alam Melayu untuk bersama-sama berjuang bagi membangkitkan kesedaran orang-orang Melayu yang masih tersesat tentang kefahaman mereka yang salah dan dangkal dalam Islam. Kita hendaklah berjuang berlandaskan kitab suci al-Quran dan hadis Nabi SAW. Kita hendaklah berani berjihad dan jangan sekali-kali bertaklid membuta tuli.</p> <p>(Banglo No. 410, 2015: 277)</p>

JADUAL 5: Transformasi jasa dan pengorbanan Syed Syeikh al-Hadi

Syed Syeikh al-Hadi	Drama Banglo No. 410
Mereka pula memanfaatkan kedudukan yang baik itu untuk mengembangkan ajaran Islam, menyebarluaskan ilmu-ilmu mereka menerusi syarahan dan tulisan dalam <i>Al-Iman</i> dan <i>Al-Ikhwan</i> . Sejarah membuktikan kemudiannya, perjuangan Syed Syeikh berupaya mencetuskan fenomena baru di Tanah Melayu sama ada dalam bidang pemikiran Islam mahupun tanggapan terhadap hidup daripada belenggu khurafat yang menghambat kemajuan umat Islam. (Syed Syeikh al-Hadi,1992: 15)	TUAN SYEIKH TAHIR JALAALUDDIN: ... Kita sedar <i>Al-Iman</i> cukup berpengaruh dan dapat membendung golongan yang bertopengkan agama dan mengamalkan perbuatan-perbuatan kurafat dan segala macam. (Saya dari Tanjung Penaga, 2015: 278)

Jadual 5 menunjukkan sumbangan Syed Syeikh al-Hadi mendidik masyarakat melalui akhbar dan majalah adalah besar. Pada awalnya, beliau mula terlibat dengan majalah *islah* Islamiah *Al-Imam*. Kegiatan Syed Syeikh Al-Hadi meliputi wartawan, peneraju akhbar dan majalah, pengarang buku, penerbit, peniaga, pendidik dan yang paling utama ialah pejuang. Sumbangan dan ketokohan Syed Syeikh Al-Hadi sebagai pelopor *islah* Islamiah dan sasterawan telah diketahui umum. Hasil tulisan yang ditulis dalam penerbitan akhbar dan majalah dapat dilihat pemikiran Syed Syeikh Al-Hadi berkaitan ajaran Islam supaya masyarakat tidak terpengaruh dengan ajaran sesat. Jelaslah, pengarang menyalin sumbangan Syed Syeikh Al-Hadi dalam menghasilkan drama *Banglo No. 410* daripada hipoteks. Di samping itu, pengarang turut memperlihatkan prinsip transformasi dalam drama Dekon *Banglo No 410* melalui peristiwa pertemuan dengan Faridah Hanum. Terdapat pemindahan yang dilakukan oleh pengarang melalui peristiwa ini. Peristiwa ini dipindahkan melalui watak Faridah Hanum dalam karya Syed Syeikh al-Hadi. Pemindahan peristiwa ini melibatkan watak sahaja. Contoh adalah seperti berikut:

FARIDAH HANUM: Ya, itu nama saya, Tuan Syeikh!

TUAN SYEIKH AL-HADI: (*Terkejut.*) Faridah Hanum! Faridah Hanum... Faridah Hanum!

(*Banglo No. 410*, 2015)

Dialog tersebut menunjukkan pertemuan Syed Syeikh al-Hadi dengan Faridah Hanum. Pemindahan peristiwa dilakukan melalui watak Faridah Hanum. Pengarang sengaja memindahkan peristiwa pertemuan tersebut bagi mewujudkan kelainan dalam menghasilkan hipoteks.

4.2 Transformasi Watak Perwatakan

Watak dalam drama Dekon *Banglo No. 410* juga memperlihatkan prinsip transformasi. Terdapat pemindahan daripada watak yang benar-benar wujud. Watak bermaksud pelaku yang menggerakkan cerita menerusi aksi dan dialog. Perwatakan pula adalah teknik pengarang menggambarkan dan melukiskan sesuatu watak (Sulaiman Masri, 2006). Watak yang digambarkan oleh pengarang mempunyai tujuan yang tertentu. Terdapat beberapa watak dalam sesebuah cerita iaitu protagonis, antagonis dan sampingan (Victoria Haney, 2012). Kebiasaannya, watak utama dalam karya dikenali sebagai protagonis yang berkisar tentang kehidupannya. Watak dan perwatakan seseorang amat penting bertujuan untuk menghidupkan dan memperkembang lagi sesebuah drama dekon. Watak juga diwujudkan

unuk mengubah atau mengatasi terhadap sesuatu keadaan atau suasana pada sesuatu tempat. Watak berupaya untuk mencetuskan konflik atau pertentangan sama ada secara dalaman mahupun luaran (Ramli Isin, 1988). Melalui watak perwatakan yang diwujudkan dalam sesuatu drama dekon dapat memberi kesinambungan antara perwatakan dengan latar.

Terdapat empat watak dalam drama Dekon *Banglo No. 410* iaitu Tuan Syeikh al-Hadi, Tuan Syeikh Tahir Jalaluddin, Faridah Hanum dan Si Buta. Watak utama dan watak sampingan dalam drama Dekon *Banglo No. 410* digambarkan sama seperti perwatakan tokoh yang sebenar. Tokoh yang benar-benar wujud adalah Syed Syeikh al-Hadi dan Syeikh Tahir Jalaluddin. Nama yang digunakan oleh pengarang juga menunjukkan pemindahan yang dilakukan. Dalam konteks ini, watak tersebut benar-benar wujud di alam realiti dan bukan direka-reka. Hasil penelitian pengarang terhadap seseorang tokoh tersebut menyebabkan watak itu diwujudkan. Pengarang mengenalpasti dan melakukan pengkajian dari aspek psikologi yang lebih tuntas selaras dengan daya intelek tokoh yang terlibat (Shahnon Ahmad, 2006). Setiap perwatakan yang digambarkan dalam drama Dekon *Banglo No. 410* tersebut menunjukkan pengarang memindahkan ke dalam bentuk dialog dengan beberapa watak sampingan yang lain. Protagonis adalah kata yang berasal dari perkataan Yunani iaitu *protagonistes* yang bermaksud watak utama dalam buku, filem, teater, drama, cerpen dan sebagainya. Definisi protagonis dapat difahami berdasarkan dua bidang iaitu kesusasteraan dan perubatan. Berdasarkan bidang kesusasteraan, protagonis adalah watak utama dalam cerita fiksi. Di samping itu, protagonis juga boleh ditakrifkan sebagai penyokong pemahaman. Protagonis sering digambarkan sebagai tokoh melawan antagonis. Watak antagonis itu sendiri boleh didefinisikan sebagai tokoh yang bertentangan. Terdapat juga watak pelengkap dalam cerita yang mempunyai watak protagonis. Watak protagonis biasanya memainkan watak yang membawa misi kebaikan.

Watak-watak protagonis sering mengalami masalah yang sukar sehingga pembaca atau penonton dapat merasai pelbagai perasaan dengan peristiwa yang berlaku padanya. Perbezaan antara protagonis dan antagonis boleh diiktiraf dengan mudah melalui peranan yang ditunjukkan oleh protagonis dan antagonis. Protagonis adalah watak yang sentiasa dalam keadaan percubaan, menghadapi masalah besar dan menunjukkan sikap positif. Protagonis dan antagonis mempunyai sikap menentang. Walau bagaimanapun, kehadiran antagonis dan protagonis adalah perlu untuk menyokong cerita yang menarik. Cerita akan menjadi rata dan membosankan jika tidak ada konflik antara antagonis dan protagonis.

Tokoh yang diwujudkan sebagai watak utama adalah Syed Syeikh al-Hadi. Tokoh ini menjadi watak protagonis yang menceritakan berkisarkan tentang kehidupannya dari kecil hingga tamat riwayatnya. Pengarang telah mengambil semula watak yang benar-benar wujud daripada hipoteks kemudian dijadikan sebuah cerita. Transformasi yang dilakukan oleh pengarang dapat dilihat dalam cerita yang ditulis berdasarkan kisah benar tokoh tersebut. Terdapat pelbagai perwatakan menarik yang diambil oleh pengarang bagi membina cerita tersebut dalam drama Dekon *Banglo No. 410*. Sifat keberanian, tidak mudah putus asa, mempertahankan agama Islam, kegagalan dan segala kebaikan yang dibuat oleh Syed Syeikh al-Hadi adalah benar-benar berlaku dalam dunia realiti.

Berdasarkan jadual 6 jelas memperlihatkan watak dan perwatakan seorang tokoh reformis Islam yang begitu progresif. Petikan tersebut menceritakan tentang perwatakan Syed Syeikh al-Hadi dalam dunia pendidikannya. Syed Syeikh al-Hadi adalah tokoh yang tidak asing lagi di Pulau Pinang. Terdapat pelbagai sumbangan yang dilakukan oleh beliau demi memartabatkan agama Islam. Beliau merupakan seorang pejuang yang hebat bukan sahaja dalam penulisan malahan pejuang agama Islam yang tegar. Beliau bersama rakannya yang

lain telah memperjuangkan reformasi Islam pada awal abad ke-20 di Malaya. Melalui petikan di atas, dapat dilihat pemindahan yang dilakukan oleh pengarang ke dalam drama Dekon *Banglo No. 410*. Pengarang mengambil semula watak dan perwatakan Syed Syeikh al-Hadi dan dipindahkan bagi menghasilkan hiperteks.

JADUAL 6: Transformasi watak Syed Syeikh al-Hadi

Syed Syeikh al-Hadi	Drama Banglo No. 410
<p>Ini ditambah pula dengan penghijrahan keluargnya ke Pulau Penyengat, Riau. Pengalamannya semasa menjadi anak angkat Raja Ali Haji Kelana di pulau ini telah mendedahkan Syed Syeikh kepada pengalaman menjadi seorang penulis dan pengarang yang berkaliber pada kemudian hari.</p> <p>(Syed Syeikh al-Hadi, 1992: 30)</p>	<p>TUAN SYEIKH TAHIR JALALUDDIN: ... Dengan bakat menguasai bahasa yang baik, belajar dengan Raja Ali Haji, dengan ilmu yang dituntut di beberapa pondok dan perguruan agama Islam serta pengaruh pendidikan daripada reformasi yang dibawa dari Mesir itu yang didapat, daripada Muhammad Abduh, dia terus mengalirkan dakwat kejutan fikirannya. Dia mengarang.</p> <p>(Banglo No. 410, 2015: 279)</p>

Selain itu, perwatakan Syed Syeikh al-Hadi ditransformasi yang diaplikasikan oleh pengarang juga disokong oleh kata-kata Talib Samat (1990). Syed Syeikh al-Hadi juga mempelajari ilmu agama di sekolah pondok. Kemudian, beliau kembali mendalami ilmu agama, kebudayaan dan bahasa Arab di Pulau Penyengat, Riau. Setelah itu, beliau berangkat ke Mesir untuk mempelajari agama Islam dan bahasa Arab dengan lebih mendalam. Pemikiran beliau telah dipengaruhi dengan reformasi Islam yang diketuai oleh Syeikh Muhammad Abduh ketika di Mesir. Kata-kata tersebut adalah seperti berikut:

“Di samping itu saya tertarik kepadanya kerana sifat Syed Syeikh al-Hadi sendiri sebagai ulama yang bukan sahaja berusaha menyebarluaskan agama Islam, mempertebalkan akidah dan tafsiran orang Melayu terhadap agama Islam malah keupayaannya sebagai novelis dan sasterawan. Kedua-dua kebolehan itu tidak ada kepada kebanyakan sasterawan kita terutama sebagai seorang sasterawan sekaligus ulama yang kontroversial pada zamannya”.

(Talib Samat, 1990)

Petikan tersebut menunjukkan perwatakan Syed Syeikh al-Hadi yang disokong oleh Talib Samat. Perwatakan tokoh tersebut sangat dikagumi oleh khalayak kerana beliau menonjolkan peribadi yang baik. Semangat perjuangan yang dibawa oleh Syed Syeikh al-Hadi demi mempertahankan nasib orang Melayu yang ditindas oleh penjajah Barat. Kemudian, keperibadian Syed Syeikh al-Hadi yang begitu kuat pegangan agama menyebabkan beliau diingati sepanjang zaman. Beliau berusaha memberi kesedaran kepada orang Melayu tentang agama Islam. Beliau bukan sahaja seorang sasterawan malahan seorang pejuang agama. Jelasnya, watak perwatakan Syed Syeikh al-Hadi merupakan transformasi yang dilakukan oleh pengarang. Pengarang tidak mengubah apa-apa daripada hipoteks dan menyalin daripada hiperteks.

Seterusnya, transformasi juga dapat dilihat melalui watak Syed Syeikh Tahir Jalaluddin. Tokoh ini merupakan rakan seperjuangan Syed Syeikh al-Hadi. Mereka bersama-sama menujuhkan Madrasah al-Iqbal dan memperjuangkan agama Islam. Syed Syeikh Tahir Jalaluddin merupakan salah seorang ahli golongan Kaum Muda. Beliau turut memberikan sumbangan dalam memperjuangkan Islam dengan memberikan syarahan dan memberikan nasihat kepada penuntut madrasah. Pengarang memindahkan watak dan perwatakan Syed Syeikh Tahir ke dalam drama Dekon *Banglo No. 410* daripada hipoteks. Pengarang hanya

mengubah nama asal Syed Syeikh Tahir Jalaluddin kepada Tuan Syeikh Tahir Jalaluddin. Jelaslah bahawa pengarang mewujudkan semula watak perwatakan Syeikh Tahir Jalaluddin dalam menghasilkan karya baru melalui proses pemindahan.

JADUAL 7: Transformasi watak Syeikh Tahir Jalaluddin

Syed Syeikh Al-Hadi	Banglo No. 410
<p>Tokoh-tokoh Golongan Muda seperti Syeikh Tahir Jalaluddin ikut memberikan sumbangan berupa syaran dan tunjuk ajar yang tidak sedikit kepada mereka yang menuntut di madrasah yang terkenal di utara ini.</p> <p>(Syed Syeikh Al-Hadi, 1992: 25)</p>	<p>TUAN SYEIKH TAHIR JALALUDDIN: Menyedari keadaan pada waktu itu, ana sendiri, Tuan Syeikh Al-Had, Tuan Syeikh Mohammad Salim dan Haji Abbas Mohd Taha bermuafakat meneruskan perjuangan Golongan Muda... kami berusaha menggabungkan tenaga kembali dengan harapan, masyarakat Melayu berubah dan bergerak maju.</p> <p>(Banglo No. 410, 2015: 276)</p>

Kemudian, penelitian terhadap watak sampingan iaitu Faridah Hanum. Watak ini diwujudkan oleh pengarang supaya menimbulkan sedikit konflik dalam drama Dekon *Banglo No. 410*. Watak sampingan berfungsi sebagai penambahan sebagai daya tarikan terhadap karya yang dihasilkan. Secara realitinya, Faridah Hanum adalah watak yang terdapat dalam karya *Hikayat Faridah Hanum* yang dihasilkan oleh Syed Syeikh al-Hadi. Pengarang mewujudkan watak tersebut dalam drama Dekon *Banglo No. 410* yang melibatkan pertentangan pendapat dengan Syed Syeikh al-Hadi mengenai persoalan yang diketengahkan dalam novel tersebut. Watak tersebut diwujudkan dengan memindahkannya daripada karya Faridah Hanum.

Jadual 8 menunjukkan transformasi watak dan perwatakan Faridah Hanum. Faridah Hanum digambarkan seorang wanita yang rupawan, berbudi pekerti dan berpendidikan. Beliau merupakan serang wanita yang memperjuangkan hak kaumnya sendiri. Nama dan perwatakan yang dipindahkan oleh pengarang daripada teks asal jelas dapat dilihat berdasarkan perbandingan kedua-dua karya. Pengarang tidak mengubah nama dan perwatakan Faridah Hanum. Namun begitu, pengarang memindahkan watak dan perwatakan tersebut bagi mewujudkan konflik dengan Syed Syeikh al-Hadi. Melalui petikan tersebut jelas memperlihatkan pengarang memindahkan watak dan perwatakan Faridah Hanum dalam menghasilkan karya baru berpandukan teks asal.

JADUAL 8. Transformasi watak Faridah Hanum

Syed Syeikh al-Hadi	Drama Banglo No. 410
<p>Dengan perdayaan Syafik Affandi, Badaruddin Affandi menceraikan isterinya yang tidak pernah ditidurinya itu.</p> <p>(Syed Syeikh al-Hadi, 1992: 78)</p> <p>Dalam pada masa yang sama juga Faridah Hanum, wanita cantik dan cerdik ini tidak mudah menyerahkan kehormatannya kepada Badaruddin Affandi meskipun sudah lebih dua bulan berkahwin.</p> <p>(Syed Syeikh al-Hadi, 1992: 79)</p>	<p>FARIDAH HANUM: ... Tetapi sebagai pejuang emansipasi wanita dan kahwin paksa, Tuan Syeikh telah melakukan sesuatu yang mengaibkan saya...</p> <p>FARIDAH HANUM: Saya tahu Tuan Syeikh berniat baik tetapi dalam pada masa yang sama ... Tuan Syeikh merugikan orang lain, memalukan saya di mata keluarga saya dan keluarga suami saya! Dan harga maruah ini yang harus Tuan Syeikh lunasi!</p> <p>(Banglo No. 410, 2015: 287)</p>

Jelaslah, dapat dilihat pengarang memindahkan perwatakan Syed Syeikh al-Hadi dalam bentuk drama Dekon *Banglo No. 410*. Marzuki Ali menghasilkan karya dengan memindahkan semula watak dan perwatakan tokoh yang dapat dilihat berdasarkan contoh yang diberikan. Syed Syeikh al-Hadi mempunyai perwatakan yang sangat progresif sama ada dari segi kepimpinan, pendidikan, pejuang dan lain-lain lagi. Beliau seorang yang tidak mudah putus asa dalam mencapai sesuatu. Watak dan perwatakan sebenar Syed Syeikh al-Hadi ditulis oleh pengarang memperlihatkan prinsip transformasi yang diaplikasikan. Pemindahan watak sampingan juga dapat dilihat dalam drama Dekon *Banglo No. 410* iaitu Syeikh Tahir Jalaluddin dan Faridah Hanum.

4.3 Transformasi Latar

Prinsip transformasi juga dapat dilihat melalui latar dalam hiperteks. Pemindahan yang dibuat adalah berkaitan dengan situasi dalam sesuatu cerita. Terdapat dua jenis latar yang ditransformasikan oleh pengarang dalam menghasilkan drama Dekon *Banglo No. 410* iaitu latar tempat dan masyarakat. Pertama sekali, latar tempat merupakan salah satu aspek yang dilakukan penyesuaian dalam sesebuah karya. Pengarang menggunakan kreativiti untuk menghasilkan karya melalui prinsip modifikasi. Latar tempat adalah tempat berlakunya sesuatu peristiwa dalam sesebuah karya. Latar tempat dalam karya berfungsi sebagai media kepada watak-watak untuk menggerakan kerja mereka. Latar tempat juga harus disesuaikan dengan peristiwa, zaman dan keadaan dalam sesebuah cerita. Latar tempat yang tidak sesuai akan menyebabkan jalan cerita akan menjadi hambar sekali gus tidak mampu menarik perhatian pembaca dan penonton.

Transformasi latar tempat dapat dikenalpasti dalam drama Dekon *Banglo No. 410*. Pengarang memuatkan latar tempat yang dipindahkan daripada hipoteks. Latar tempat tersebut benar-benar wujud dan masih kekal hingga harini. Latar tempat yang dipindahkan dalam hiperteks adalah Pulau Pinang. Pulau Pinang merupakan rumah kediaman Syed Syeikh al-Hadi. Beliau banyak menghabiskan perjuangannya di Pulau Pinang. Hal ini dapat dilihat melalui beberapa kawasan di Pulau Pinang yang menjadi bukti pemindahan latar tempat dalam menghasilkan hiperteks. Sebagai contoh, petikan dapat dilihat dalam jadual 9.

JADUAL 9: Transformasi latar tempat di Pulau Pinang

Syed Syeikh al-Hadi	Drama Banglo No. 410
Dia menghembuskan nafas terakhirnya pada malam Rabu, di rumahnya di Nombor 410, Jalan Jelutong, Pulau Pinang. Jenazahnya dikebumikan di tanah perkuburan masjid Mukim Jelutong. (Syed Syeikh al-Hadi,1992: 29)	SI BUTA: ... Rumah itu asalnya kepunyaan seorang Syed. Apa namanya..... Ya, baru saya ingat Syed Sheikh Al-Hadi. Kuburnya itu di kawasan Masjid Jelutong yang kita lalu tadi. Ada apa dengan Syed Sheikh? (Banglo No. 410, 2015: 267)
Usahanya menerbitkan buku dan kitab serta majalah menjadi lebih mudah kerana dia mempunyai percetakan sendiri yang bernama The Jelutong Press yang didirikannya pada tahun 1926. (Syed Syeikh al-Hadi,1992: 39)	FARIDAH HANUM: ... Sekarang Tuan Syeikh sudah dapat memiliki percetakan sebaik ini – Syarikat Percetakan Jelutong Press. (Banglo No. 410, 2015: 281)
Madrasah Al-Masyhur Al-Islamiah dibina di Tek Soon Street, Pulau Pinang pada tahun 1919. (Syed Syeikh al-Hadi,1992: 45)	TUAN SYEIKH TAHIR JALALUDDIN: ... meneruskan perjuangan Golongan Muda dan antara program kami adalah melaksanakan dan mendirikan Sekolah Arab-Agama seperti Madrasah al-Mashoor di Pulau Pinang. (Banglo No. 410, 2015: 276)

Melalui jadual 10 dapat dikenalpasti Marzuki Ali menghasilkan drama berdasarkan prinsip transformasi formal. Banglo tersebut adalah rumah kediaman beliau dan keluarganya yang beralamat di 410, Jalan Jelutong, Pulau Pinang. Berdasarkan contoh yang dipetik daripada teks drama Dekon *Banglo No. 410* menunjukkan bahawa rumah kediaman milik Syeikh al-Hadi benar-benar wujud. Nama tempat yang diceritakan dalam teks iaitu Pulau Pinang dan Jelutong merupakan lokasi atau kedudukan terletaknya rumah Syeikh al-Hadi. Rumah berkenaan membawa makna besar dalam sejarah perjuangan orang Melayu dan Arab yang menjadi identiti Pulau Pinang. Rumah tersebut harus menjadi warisan yang melambangkan pemikiran positif masyarakat Melayu Pulau Pinang yang sudah wujud pada 1920-an lagi. Selain itu, Jalan Jelutong di Pulau Pinang juga merupakan lokasi syarikat percetakan pertama pengarang Syed Syeikh al-Hadi. Malahan Pulau Pinang juga menjadi bukti penubuhan Madrasah al-Mashoor. Transformasi dari aspek latar tempat ini dilakukan dengan membuat penelitian secara kritis terhadap asal usul tokoh dalam drama Dekon *Banglo No. 410*. Pengarang tidak mengubah apa-apa latar tempat dalam menghasilkan karya baru. Pulau Pinang terbukti menjadi tapak yang subur bagi Syed Syeikh Al-Hadi mengembangkan bakat dan skop perjuangannya dalam penyebaran dakwah Islam, kesusasteraan dan percetakan surat khabar serta majalah.

JADUAL 10. Transformasi latar tempat di Mesir dan Riau

Syed Syeikh al-Hadi	Banglo No. 410
Di Kaherah, Syed Syeikh menerima pelajaran daripada Syeikh Muhammad Abduh ... (Syed Syeikh al-Hadi,1992: 12)	TUAN SYEIKH TAHIR JALALUDDIN: Setelah Tuan Syeikh Al-Hadi pulang dari Mesir dengan semangat yang berkobar-kobar oleh gagasan Muhammad Abduh iaitu seorang tokoh reformis terkenal dunia Islam tahun 1907 ... (Banglo No. 410, 2015: 275)
Selepas kembali dari Mesir dan setelah menetap di Singapura, dia membuka Madrasah Al-Iqbal pada tahun 1907. (Syed Syeikh al-Hadi,1992: 13) Malangnya Madrasah Al-Iqbal yang didirikannya itu kurang mendapat sambutan daripada masyarakat Islam Singapura. (Syed Syeikh al-Hadi,1992: 44)	TUAN SYEIKH TAHIR JALALUDDIN: ... dia mendirikan Madrasah Al-Iqbal di Singapura. ... pertentangan Kaum Tua terhadap pembawaan Kaum Muda yang dipimpin oleh Tuan Syeikh Al-Hadi dan sikap masyarakat Islam di Singapura yang memulaukan setiap majlis syarahan agama yang diadakan oleh Tuan Syeikh Al-Hadi. (Banglo No. 410, 2015: 275)
Di Pulau Penyengat, dia diambil oleh Raja Ali Haji Kelana ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Yusoff al-Hadi, Yang di-Pertuan Besar Riau-Lingga sebagai anak angkat. (Syed Syeikh al-Hadi,1992: 4)	TUAN SYEIKH AL-HADI: ... Ana banyak belajar tentang syair sewaktu ana belajar sama itu Raja Ali Haji dulu. Raja Ali Haji memang orang yang mahir karang itu gurindam Melayu. (Banglo No. 410, 2015: 271) TUAN SYEIKH TAHIR JALALUDDIN: ... Maka kegiatan Madrasah Al-Iqbal pun dipindahkan ke Pualu Penyengat, Riau Lingga. (Banglo No. 410, 2015: 275)

Di samping itu, latar tempat yang ditransformasikan oleh pengarang adalah Singapura, Riau dan Mesir. Latar tempat tersebut juga merupakan lokasi yang agak penting dalam perjalanan hidup Syed Syeikh al-Hadi.

Seterusnya, latar masyarakat juga dikemukakan oleh pengarang dalam drama Dekon *Banglo No. 410*. Pengarang menggambarkan latar masyarakat melalui watak Faridah Hanum dalam sebuah karya Syed Syeikh al-Hadi. Faridah Hanum merupakan golongan masyarakat yang

memperjuangkan emansipasi wanita. Watak tersebut berjuang menegakkan hak kaum wanita. Jelasnya, pengarang mengambil keseluruhan kepengarangan Syed Syeikh al-Hadi sebagai transformasi dalam menghasilkan hiperteks. Contoh dialog adalah seperti berikut:

FARIDAH HANUM: ... Tetapi sebagai pejuang emansipasi wanita dan kahwin paksa, Tuan Syeikh telah melakukan sesuatu yang mengaibkan saya. Tuan Syeikh telah melakukan sesuatu yang saya jadi malu kerananya.

(Banglo No. 410, 2015: 285)

5. Rumusan

Kesimpulannya, analisis membincangkan prinsip transformasi yang dilakukan oleh pengarang. Melalui perbincangan tersebut, dapat dilihat pengarang memindahkan beberapa aspek daripada hipoteks iaitu adalah *Syed Syeikh al-Hadi* (1992). Aspek-aspek yang ditransformasikan oleh pengarang adalah alur, watak dan latar. Pengarang memindahkan kesemua aspek tersebut dalam menghasilkan karya baharu. Transformasi alur dapat dilihat melalui dua jenis iaitu kronologi dan kompleks. Drama Dekon *Banglo No. 410* memperlihatkan alur yang tidak mengikut susunan iaitu plot kompleks manakala alur bagi hipoteks adalah jenis kronologi. Melalui plot tersebut, pengarang memindahkan beberapa peristiwa yang terdapat dalam hipoteks dalam menghasilkan drama Dekon *Banglo No. 410*. Peristiwa-peristiwa tersebut menunjukkan persamaan dengan hipoteks, maka prinsip transformasi dapat dikenalpasti dalam hiperteks. Seterusnya, prinsip transformasi dapat dikenalpasti melalui aspek watak. Watak yang terdapat dalam hiperteks disalin semula ke dalam drama Dekon *Banglo No. 410*. Hal ini menunjukkan pengarang tidak mengubah nama dan perwatakan tokoh yang diceritakan dalam hipoteks. Watak Syeikh al-Hadi dalam drama Dekon *Banglo No. 410* adalah diambil daripada watak sebenar tokoh reformis Islam iaitu Syed Syeikh al-Hadi. Kemudian, watak Faridah Hanum diwujudkan oleh pengarang bagi menimbulkan konflik. Perwatakan Faridah Hanum digambarkan seorang wanita yang berpendidikan. Beliau merupakan seorang pejuang emansipasi wanita.

Selain itu, pengarang juga mentransformasikan latar dalam menghasilkan karyanya. Transformasi latar yang dimuatkan dalam karya adalah latar tempat dan latar masyarakat yang benar-benar wujud di alam realiti. Latar tempat yang disalin oleh pengarang dalam drama Banglo No. 410 adalah di Pulau Pinang iaitu bukti perjuangan Syed Syeikh al-Hadi dalam mempertahankan agama Islam. Pulau Pinang merupakan tempat beliau membina madrasah, lokasi syarikat percetakan dan tempat beliau dimakamkan. Pulau Pinang juga merupakan rumah kediaman beliau yang menjadi lambang perjuangan yang telah disumbangkan oleh Syed Syeikh al-Hadi. Latar tempat yang lain ditransformasikan adalah di Singapura, Riau dan Mesir. Kemudian, latar masyarakat yang dikenalpasti dalam drama Dekon *Banglo No. 410* adalah masyarakat yang memperjuangkan hak wanita. Perjuangan tersebut dipegang oleh watak Faridah Hanum. Jelasnya, pengarang memindahkan latar tempat dan latar masyarakat dalam menghasilkan hiperteks. Justeru, berdasarkan perbincangan yang dilakukan dapat dilihat pengarang mengaplikasikan prinsip transformasi dalam menghasilkan hiperteks. Kisah yang menceritakan sejarah hidup tokoh Syed Syeikh al-Hadi dijadikan sebagai sumber penyalinan bagi membina hiperteks. Hipoteks yang digunakan dirujuk dan disalin dalam membina teks baharu. Kemudian, teks-teks dipindahkan ke dalam drama Dekon *Banglo No. 410*. Persamaan yang terdapat dalam hiperteks dengan hipoteks menunjukkan prinsip transformasikan diaplikasikan.

Rujukan

- Marzuki Ali. (2015). *Saya dari Tanjung Penaga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Saberi Muda & Mas Rynna Wati Ahmad. (2017). Puisi ke Teater: Transformasi Karya Marzuki Ali. *Jurnal Melayu* 16(1): 102-114.
- Shahnon Ahmad. (2006). *Setitis Embun Semarak Api*. Shah Alam: Alaf 21 Sdn. Bhd.
- Sulaiman Masri. (2006). *Bahasa Melayu: Dimensi Pengajaran dan Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Talib Samat. (1992). *Syed Syeikh A-Hadi: Sasterwan Progresif Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Victoria Haniey. (2012). *Kuasai Cerita Anda*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.